

TARIKH	30 / 1 / 2013	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	24	RUANGAN	NASIONAL

## Kesihatan warga tua ke Makkah wajar dikaji

**U**saha kerajaan bagi memastikan warga tua berusia 75 tahun ke atas yang belum menunaikan haji berpeluang melakukannya tahun ini adalah satu tindakan wajar. Malaysia akan membawa perkara berkenaan ketika mengadakan pertemuan dengan Menteri Haji Arab Saudi pada April ini. Tahun lalu, 4,000 jemaah haji berusia lebih 75 tahun berpeluang menunaikan ibadat haji dan angka berkenaan wajar dikaji. Ketika ini ada lebih 12,000 warga tua berusia 75 tahun ke atas menunggu giliran untuk menunaikan ibadat haji buat kali pertama. Kita berharap kadar kuota berkenaan dapat ditingkatkan kerana warga tua wajar diberi peluang berdasarkan tahap usia dan masalah kesihatan yang dihadapi mereka. Urusan kuota haji ditentukan Kerajaan Arab Saudi berdasarkan kepada jumlah penduduk sesebuah negara. Sejak beberapa tahun lalu, kuota jemaah haji Malaysia kekal 28,000 orang setahun mengikut Piagam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), iaitu berdasarkan nisbah 0.1 peratus daripada jumlah penduduk negara. Bagaimanapun, kuota berkenaan wajar ditingkatkan kerana jumlah penduduk Malaysia kini meningkat kepada hampir 29 juta orang, bererti kuota haji perlu bertambah 1,000 orang kepada 29,000 orang. Jika Arab Saudi membenarkan peningkatan jemaah haji dari Ma-

laysia, ini bererti jumlah warga tua ke Tanah Suci boleh ditingkatkan secara automatik.

Kita sedia maklum urusan haji membatikan isu ibadat serta kemampuan kewangan dan tahap kesihatan seseorang bakal jemaah. Adalah wajar seseorang yang masih muda memberi ruang dan peluang kepada warga tua ke Tanah Suci berdasarkan faktor usia. Sebelum ini ada beberapa kes individu sama berulang kali ke Makkah kerana memiliki kelebihan dari segi kewangan, tanpa mempedulikan tindakan mereka menghalang orang lain ke Tanah Suci. Kita berharap kerajaan, menerusi Tabung Haji membuat saringan lebih teliti agar pihak yang lebih berhak mendapat keutamaan ke Tanah Suci. Bagaimanapun, mekanisme kuota haji warga tua juga perlu dikaji dari segi kemampuan kesihatan dan siapa pengiring mereka ketika berada di Makkah dan Madinah. Jemaah yang menghadapi masalah kesihatan kronik bakal memberi kesan kepada petugas Tabung Haji yang sudah dibebani dengan pelbagai tanggungjawab lain. Adalah wajar keluarga jemaah memantau kesihatan warga tua, terutama dari segi perawatan pada musim haji. Tanpa kerjasama ahli keluarga, penambahan kuota warga tua hanya dari segi angka, sedangkan ramai yang dibimbangi terlantar kerana tidak mampu menyempurnakan ibadat ketika berada di Tanah Suci.